**SKEMA PERCUBAAN BM K1 SPM 2009**
**Bahagian A: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan (30 markah)**

KRITERIA PENSKORAN

| PERINGKAT | MARKAH | KRITERIA |
|---|---|---|
| Cemerlang | **26 -30**<br>( 28 – 30 )<br>( 26 – 27 ) | • Karangan sangat menepati tema bahan rangsangan<br>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas dan tepat.<br>• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervarisi dan menggunakan ungkapan yang menarik.<br>• Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas. |
| Kepujian | **20 – 25**<br>( 23 – 25 )<br>( 20 – 22 ) | • Karangan menepati tema bahan rangsangan<br>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas.<br>• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervarisi.<br>• Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas. |

- Ungkapan menarik : peribahasa,pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata menarik, petikan hadis, maksud al-Quran dan lain-lain.

| PERINGKAT | MARKAH | KRITERIA |
|---|---|---|
| Memuaskan | **15 – 19**<br>( 17 – 19 )<br>( 15 – 16 ) | • Karangan **masih** menepati tema bahan rangsangan<br>• Bahasa **masih** gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca **masih** betul dan tepat. Ejaan **masih** mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru.Penggunaan kosa kata luas.<br>• Wacananya **masih** lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervarisi.<br>• Idea **masih** relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea **masih** jelas. |
| Kurang Memuaskan | **10 – 14**<br>( 12- 14 )<br>( 10 – 11 ) | • Karangan **masih/kurang** menepati tema bahan rangsangan<br>• Bahasa **kurang/tidak** gramatis dari segi kata dan ayat. **Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara.** Ejaan **masih** mengikut Sistem Ejaan Rumi tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. Penggunaan kosa kata terhad.<br>• Wacananya kurang lengkap. Unsur bahasa kurang bervarisi.<br>• Idea **kurang relevan** dengan tema bahan rangsangan dan huraian kurang jelas. |
| Pencapaian Minimum | **01- 09**<br>( 06 – 09 )<br>( 01 – 05 ) | • Calon **tidak** menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.<br>• Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.<br>• Idea **kurang / tidak** menepati tema bahan rangsangan. |

**Skema Jawapan Bahagian A (Karangan Berpandukan Bahan Rangsangan)**

1. Pendahuluan : Menjelaskan tajuk / memberi definisi

2. Cadangan isi -:
   Ciri-ciri remaja yang berwawasan :
   - -Sentiasa dinamik dan proaktif dalam menjalankan sesuatu perkara yang diceburi.
   - -Sanggup menghadapi sebarang cabaran tanpa berputus asa.
   - -Sentiasa berusaha bersungguh-sungguh supaya dapat bersaing secara sihat antara satu sama lain.
   - -Sanggup mencari pengalaman baru untuk berada pada tahap kemahiran yang tinggi
   - -Tidak jemu menimba ilmu dari semasa ke semasa.
   - -Sentiasa berusaha dan beriltizam untuk memenuhi cita-cita murni.
   - -Sentiasa berfikiran terbuka, kreatif dan inovatif dalam melakukan sesuatu perkara.
   - -Mempunyai semangat patriotik yang tinggi bagi menjamin kelangsungan Negara.

3. Penutup : Menyatakan cadangan / harapan

**Bahagian B :**
**Karangan Respons Terbuka**
**( 100 markah )**

| KRITERIA | | DESKRIPSI |
|---|---|---|
| 1. | BAHASA<br>( Mekanis ) | • Kegramatisan - Kata (morfologi)<br>Ayat (sintaksis)<br>• Tanda baca<br>• Ejaan |
| 2. | LARAS<br>(Dinamis) | • Pemilihan kata |
| 3. | IDEA ( Isi ) | • Tema<br>• Isi utama<br>• Pengembangan<br>( Huraian/bahasa/hujahan/contoh ) |

| | | |
|---|---|---|
| | | • Kerelevanan |
| 4. | PENGOLAHAN | • Wacana<br>• Logik<br>• Pemerenggaanan<br>• Format |
| 5. | GAYA BAHASA | • Keindahan bahasa<br>• Ungkapan<br>• Peribahasa |

**KRITERIA PENSKORAN**

| PERINGKAT | MARKAH | KRITERIA |
|---|---|---|
| Cemerlang | **80 – 100**<br>( 90 – 100 )<br>( 80 – 89 ) | • Penggunaan **pelbagai jenis kata** yang luas dan tepat.<br>• Penggunaan **pelbagai ayat majmuk** yang gramatis<br>• **Ejaan dan tanda** baca yang betul<br>• **Laras bahasa** sesuai dengan tugasan<br>• Penggunaan **kosa kata** sangat luas dan tepat<br>• **Idea yang relevan** mengikut tugasan, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai<br>• **Pengolahan sangat menarik** dan berkesan serta pemerenggaanan sesuai<br>• **Wacana lengkap** dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan<br>• Penggunaan **unsur bahasa bervariasi**<br>• **Gaya bahasa** menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, |

| | | |
|---|---|---|
| | | pantun, cogan kata atau frasa. |
| Kepujian | **66 – 79**<br>( 73 – 79 )<br>( 66 – 72 ) | • Penggunaan **pelbagai jenis kata** yang tepat.<br>• Penggunaan **pelbagai ayat majmuk** yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum.<br>• **Ejaan** dan tanda baca yang betul.<br>• **Laras bahasa** sesuai dengan tugasan.<br>• Penggunaan **kosa kata** luas dan tepat.<br>• **Idea yang relevan** mengikut tugasan, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai.<br>• **Pengolahan menarik** dan berkesan serta pemerenggganan sesuai.<br>• **Wacana lengkap** dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.<br>• Penggunaan **unsur bahasa bervariasi.**<br>• **Gaya bahasa masih menarik** dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. |
| **PERINGKAT** | **MARKAH** | **KRITERIA** |
| Baik | **51 - 65**<br>( 58 – 65 )<br>(51 – 57 ) | • Penggunaan **pelbagai jenis kata** sesuai.<br>• Penggunaan **ayat majmuk** gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimun.<br>• **Ejaan dan tanda** baca masih betul<br>• **Laras bahasa** sesuai mengikut tugasan<br>• Penggunaan **kosa kata** masih tepat.<br>• **Idea masih relevan** mengikut tugasan, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai<br>• **Pengolahan masih menarik** dan pemerengganan masih sesuai<br>• **Wacana masih lengkap.**<br>• Penggunaan **unsur bahasa masih bervariasi**<br>• **Gaya bahasa masih menarik** dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan **masih berkesan.** |
| Memuaskan | **36 – 50**<br>( 43 – 50 ) | • Penggunaan **pelbagai jenis kata masih tepat/kurang tepat.**<br>• Ayat **masih/kurang** gramatis. |

| | | |
|---|---|---|
| | ( 36 – 42 ) | • **Ejaan** dan tanda baca masih betul.<br>• **Laras bahasa kurang** sesuai.<br>• Penggunaan **kosa kata** umum dan terhad.<br>• **Idea masih relevan** mengikut tugasan, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai<br>• **Pengolahan masih/kurang menarik**<br>• **Wacana masih/kurang lengkap**<br>• Penggunaan **unsur bahasa kurang bervariasi**<br>• **Gaya bahasa kurang menarik** dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang menarik. |

| PERINGKAT | MARKAH | KRITERIA |
|---|---|---|
| Kurang memuaskan | **21 - 35**<br>( 28 – 35 )<br>(21 – 27 ) | • Penggunaan kata kurang tepat<br>• **Ayat tidak gramatis** tetapi **masih difahami**.<br>• Terdapat kesalahan **ejaan dan tanda** baca yang ketara.<br>• **Idea masih relevan** / idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai<br>• **Pengolahan** tidak menarik.<br>• **Wacana** tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang<br>• **Unsur bahasa** tidak bervariasi<br>• **Gaya bahasa** dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan **lemah.** |
| Pencapaian Minimum | **01 – 20**<br>( 11 – 20 )<br>( 01 – 10 ) | • Keseluruhannya menunjukkan penggunaan **kata dan ayat yang tidak gramatis.**<br>• Terdapat kesalahan **ejaan dan tanda** baca yang ketara.<br>• **Idea** bercampur aduk dan huraian tidak jelas / |

| | | |
|---|---|---|
| | | tidak berkembang dan contoh tidak sesuai<br>• **Pengolahan** tidak menarik.<br>• **Wacana** tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai.<br>• **Gaya bahasa** dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan **lemah dan tidak menarik.**<br>• Keseluruhan karangan **sukar / tidak difahami.** |

Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

( ) = Kesalahan isi

______ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar ( nama khas )

// = Kesalahan ejaan yang berulang

⬭ = Kesalahan tanda baca

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**

**Skema Jawapan Bahagian B (Soalan Respons Terbuka)**

# DAERAH GOMBAK

SOALAN 1:
Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) merupakan strategi kerajaan untuk pembangunan sahsiah remaja.
Jelaskan faedah-faedah yang diperoleh melalui penyertaan remaja dalam program tersebut.

**JAWAPAN :**

1. **Pendahuluan** : Menjelaskan Program Latihan Khidmat Negara dengan memberikan contoh yang relevan.

2. **Cadangan isi** :
   Faedah-faedah:
   - Memupuk keyakinan diri.
   - Memupuk semangat perpaduan.
   - Menambah kenalan baru.
   - Memupuk sikap bekerjasama dalam kumpulan rakan sebaya.
   - Meningkatkan ketahanan fizikal, mental, emosi dan rohani .

*** *Isi yang relevan boleh diterima*

**SOALAN 2:**
Kenaikan harga barangan semakin membebankan pengguna terutama keluarga yang berpendapatan rendah.
Huraikan peranan keluarga dalam mengatasi masalah isu kenaikan harga barangan.

**JAWAPAN :**

1. **Pendahuluan** : Menjelaskan kenaikan harga barangan.

2. **Cadangan isi** :
   Peranan keluarga ( keterlibatan bapa, ibu, adik-beradik, saudara-mara)

- Ibu bapa harus mendidik anak-anak berjimat cermat sejak kecil lagi.
- Menggalakkan anak-anak membeli barangan yang perlu sahaja.
- Ibu bapa membuat perancangan belanjawan.
- Ibu bapa dan orang tua dalam keluarga harus menunjukkan teladan yang baik.
- Mengehadkan pemberian wang saku sekolah dan tidak berbelanja boros.
- Membuat perbandingan harga sebelum berbelanja.
- Memboikot peniaga yang menaikkan harga barangan.
- Memilih kedai yang menawarkan harga yang lebih rendah
- Membuat aduan

3. **Penutup** : Membuat kesimpulan / menyatakan harapan.

**SOALAN 3 :** Seorang sahabat pena anda telah menulis surat kepada anda untuk mengetahui **usaha-usaha** yang dilakukan untuk menarik minat pelancong berkunjung ke Malaysia.

**Balas surat** sahabat anda selengkapnya.

**JAWAPAN :**

1. **Pengenalan**

   - Ucapan terima kasih. Bertanya khabar.
   - Nyatakan keadaan diri sendiri
   - Nyatakan tujuan surat

2. **Cadangan isi**

   a. Kerajaan Malaysia mengadakan Kempen Tahun Melawat Malaysia
   b. Mengadakan promosi secara terancang melalui Kementerian Pelancongan Malaysia
   c. Kementerian Pelajaran Malaysia mengadakan program pertukaran pelajar

d. Kerajaan Malaysia sentiasa meningkatkan prasarana dan sistem pengangkutan awam.
e. Kerajaan Malaysia memelihara dan memulihara tempat-tempat bersejarah dan yang mempunyai daya tarikan pelancongan.
f. Kerajaan Malaysia sentiasa memajukan industri tertiar ( perbankan, komunikasi, perkhidmatan dll)
g. Menambah tempat-tempat pelancongan.
h. Mengadakan promosi tambang murah.

**3.Penutup**

Harapan agar rakan penanya berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan.

** Kemungkinan calon menulis alamat rakan penanya dari Malaysia.( Pemarkahan - dipertimbangkan sehingga tahap cemerlang bawah sahaja.)
** Karangan berformat surat kiriman tidak rasmi ( Tiada format – maksimum tolak 2m)

SOALAN 4 :
**Isu pemanasan global memerlukan <u>kerjasama serantau</u> untuk mengatasinya. Bincangkan.**

JAWAPAN :
**1.Pendahuluan:**

Membincangkan pemanasan global secara umum (definisi/konsep dll)

**Cadangan isi** :

Sumbangan Malaysia

a. Tidak menggalakkan penjualan bahan yang mengandungi kloroflorokarbon.
b. Menguatkuasakan undang-undang bagi mengelakkan pencemaran berlaku di negara mereka.
c . Semua negara di dunia hendaklah memastikan rakyat mereka menggunakan petrol tanpa plumbum untuk mengurangkan pencemaran udara.
d. Menggalakkan petani mereka menggunakan baja semula jadi.
e. Menghalang penggunaan semburan racun serangga
f. Terlibat dalam rancangan mencegah
g. Setiap negara di dunia memperuntukkan jumlah peratus tertentu hutan simpan – salah satu cara untuk menangani isu pemanasan global.
h. Semua negara di dunia mengamalkan kaedah kitar semula dan pengurusan sampah yang betul.

**3 Penutup**

Semua negara di dunia perlu mengamalkan kesepakatan dan kesediaan untuk menangani masalah pemanasan global.

**SOALAN 5 :**

Anda telah membaca sebuah novel yang sangat menarik dan meninggalkan kesan yang mendalam.
Berikan ulasan anda tentang novel tersebut.

**JAWAPAN :**

**1.Pendahuluan** :

Menyatakan format ulasan (tajuk novel, nama pengarang, bilangan m/s, nama penerbit,)

**2. Cadangan isi :**

**a.** Calon seharusnya mengulas mana-mana aspek kesusasteraan yang berkaitan dengan novel yang dipilih
(Tema dan persoalan, watak dan perwatakan, plot, latar, nilai dan pengajaran, sudut pandangan, aliran kesedaran)

**3. Penutup :**

Harapan supaya lebih banyak novel yang berkualiti seperti ini dapat dihasilkan untuk dinikmati oleh pembaca.
Cadangan – novel ini akan dibaca oleh orang lain.

**-TAMAT-**